



MULTIFUNCTION

DIGITAL AZAN CLOCK

# FUNGSI DAN KELEBIHAN

AT TAKWIM TECHNOLOGY (001737634-M)

[www.atakwim.com](http://www.atakwim.com)

# AT TAKWIM

## FUNGSI DAN KELEBIHAN

- **Paparan Waktu Solat**

At Takwim memaparkan waktu solat Subuh, Syuruk, Zuhur, Asar, Maghrib, Isyak serta tarikh Hijrah dan Masihi yang bersilih ganti.

- **Kalendar Masihi dan Hijrah**

At Takwim dilengkapi dengan tarikh Hijrah dan Masihi yang bersilih ganti pada setiap 15 saat.

- **Laungan Azan**

At Takwim dilengkapi dengan laungan azan dari Masjid Nabawi, Madinah. (kecuali model AT3223)

- **Ketepatan Waktu Solat**

At Takwim diprogram menggunakan kaedah pengiraan untuk memaparkan waktu solat. Kaedah ini juga diguna pakai oleh Islamic Finder ([islamicfinder.org](http://islamicfinder.org)) dan Muslim Pro ([muslimpro.com](http://muslimpro.com)). Beberapa perbandingan telah dilakukan antara At Takwim dengan kedua-dua *developer* tersebut dan hasilnya sangat memuaskan hati. Jika pengguna menggunakan *software* Islamic Finder di komputer dan aplikasi Muslim Pro di telefon pintar, pastinya At Takwim akan dapat melengkapkannya pula untuk di rumah dan masjid.

- **Data Yang Kekal**

At takwim dilengkapi dengan *flash memory chip* yang berfungsi sebagai tempat penyimpanan data seperti waktu solat dan tetapan. Data-data tersebut tidak akan hilang walaupun diputuskan atau terputus bekalan kuasa. Tambahan lagi, *real-time clock chip* juga dilengkapi dengan bateri sokongan bagi memastikan proses pengiraan tarikh dan masa terus berjalan walaupun diputuskan atau terputus bekalan kuasa. Pengguna hanya perlu membuat tetapan sekali sahaja dan tiada masalah untuk *switch off* At Takwim selama bertahun-tahun selepas itu.

- **Data Sehingga Tahun 2099**

At Takwim dilengkapi dengan *real-time clock chip* yang berfungsi sehingga tarikh 31 Disember 2099. Oleh kerana At Takwim dapat memaparkan sehingga ke tarikh tersebut, maka waktu solat dapat dipaparkan sehingga ke hari terakhir tersebut juga. Perubahan waktu solat dari sehari ke sehari juga berubah secara automatik tanpa perlu apa-apa tetapan daripada pengguna.

- **Sistem Peringatan**

- **Sebelum Masuk Waktu Solat**

Terdapat dua jenis peringatan untuk sama ada 5 minit atau 10 minit sebelum masuk waktu solat iaitu 'Beep' atau 'Haiya ala sola'. Pengguna boleh memilih salah satu jenis peringatan.

## AT TAKWIM FUNGSI DAN KELEBIHAN

- **Ketika Masuk Waktu Solat**

Terdapat dua jenis peringatan untuk ketika masuk waktu solat iaitu 'Beep' atau Azan. Pengguna boleh memilih salah satu jenis peringatan.

- **Bermulanya Waktu Dhuha**

Bunyi 'Beep' apabila sudah bermulanya waktu Dhuha.

- **Waktu Solat Jumaat**

Demi memudahkan untuk pengguna bersiap sedia tanpa tergesa-gesa bagi menunaikan Solat Jumaat, At Takwim telah dilengkapi dengan peringatan untuk waktu Solat Jumaat. Laungan 'Haiya ala sola' akan berkumandang bagi setiap 10 minit selama 30 minit sebelum masuk waktu Solat Jumaat, dan seterusnya laungan Azan ketika masuknya waktu Solat Jumaat.

- **Bunyi Perubahan Jam**

At Takwim dilengkapi dengan sistem automatik yang akan berbunyi pada setiap perubahan masa iaitu pada setiap 1 jam sekali. Sistem ini sangat bermanfaat kepada ruang pejabat agar setiap pekerja dapat memanfaatkan setiap jam waktu bekerja agar tidak terleka, malah setiap pekerja dapat membahagikan masa untuk melakukan *multi-tasking job* pada setiap hari. Pengguna boleh memilih sama ada mahu bunyi 'Beep', *Classic Bell* atau tanpa bunyi.

- **Penggera Masa (Alarm)**

At Takwim dilengkapi dengan tiga jenis penggera iaitu :-

- Penggera 1 : Penggera Masa 1

Pengguna boleh menetapkan bila-bila masa untuk penggera berbunyi.

- Penggera 2 : Penggera Masa 2

Pengguna boleh menetapkan bila-bila masa untuk penggera berbunyi.

- Penggera 3 : Penggera Waktu Sahur

Pengguna boleh menetapkan At Takwim untuk sama ada berbunyi selama 90 minit hingga 10 minit sebelum masuk waktu subuh. Tetapan juga boleh dibuat untuk sama ada penggera ini berbunyi pada setiap hari di bulan Ramadan atau pada hari Isnin atau/dan hari Khamis untuk melaksanakan puasa sunat.

- **Penjadualan Waktu (Time Scheduler)**

## AT TAKWIM FUNGSI DAN KELEBIHAN

At Takwim dilengkapi dengan lima jenis Penjadualan Waktu untuk kemudahan pengguna bagi menetapkan waktu-waktu tertentu dan At Takwim akan berbunyi pada setiap waktu yang telah ditetapkan.

- **Lokasi Sokongan**

At Takwim diprogram untuk kegunaan di lebih 2000 lokasi meliputi 200 negara di seluruh dunia. Hanya dengan beberapa tetapan sahaja, At Takwim bebas digunakan di mana sahaja tanpa halangan dan waktu solat akan dipaparkan tanpa sebarang masalah.

- **Koordinat Latitude dan Longitude**

At Takwim dilengkapi dengan fungsi tetapan koordinat bagi membenarkan pengguna untuk menetapkan sendiri lokasinya di atas muka bumi. Tambahan lagi, fungsi ini bagi membolehkan pengguna mendapatkan paparan waktu solat bagi mana-mana kawasan yang tidak terdapat di dalam senarai lokasi. Tetapan boleh dilakukan dengan memasukkan nilai :-

- Latitude darjah dan minit.
- Longitude darjah dan minit
- Altitude – Ketinggian dari aras laut (meter).

- **Pelarasan Waktu**

At Takwim dilengkapi dengan fungsi pelarasan waktu untuk digunakan bagi mengatasi masalah *component error*. Setiap *chip* atau apa-apa *electronic semiconductor* mempunyai nilai atau peratusan *error* masing-masing yang telah dinyatakan oleh pihak pengilang melalui data teknikal mereka. Sebagai contoh, *real-time clock chip* yang memaparkan tarikh dan waktu semasa yang menggunakan *crystal oscillator* sebagai pengira detik juga mempunyai *error* tersendiri yang sememangnya tidak dapat di atasi. Malah *error* tersebut juga boleh berlaku jika ada perubahan mendadak pada suhu persekitaran. Oleh itu, fungsi ini digunakan untuk menyelaraskan waktu semasa sekiranya berlaku kecepatan dan kelewatan daripada masa sebenar.

- **Bateri dan Sistem Sokongan**

At takwim dilengkapi dengan *real-time clock chip* bersama bateri sokongan bagi memastikan proses pengiraan tarikh dan masa terus berjalan walaupun diputuskan atau terputus bekalan kuasa. Tambahan lagi, *flash memory chip* yang berfungsi sebagai tempat penyimpanan data seperti waktu solat dan tetapan juga tidak akan hilang datanya walaupun diputuskan atau terputus bekalan kuasa.

# AT TAKWIM FUNGSI DAN KELEBIHAN

**BUKAN HANYA SEKADAR WAKTU SOLAT**

At Takwim Technology (001737634-M)

[www.atakwim.com](http://www.atakwim.com)